

**SUMBANG MAHRAM : BAGAIMANA ISLAM MENANGANINYA**

Penulis

**ROSDI BIN YUSOF M.A  
HASANAH BT ABD KHAFIDZ PHD.**

**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
MALAYSIAN SPANISH INSTITUTE  
KULIM, KEDAH**

**2006**

## *PENGHARGAAN*

Pertama sekali, penulis dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya penulis dapat menyiapkan penulisan ini dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan buat mereka yang bersusah payah menyemak memberikan tunjuk ajar, teguran, nasihat dan pandangan yang banyak memberikan bantuan dalam menyiapkan penulisan ini. Semoga sumbangan yang dicurahkan akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T..

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan ini termasuklah kakitangan Cawangan Jenayah Khas, Ibupejabat Polis Bukit Aman Penghargaan teristimewa buat ayahanda Yusof bin Man dan bonda Salmah binti Hj. Salleh yang telah mendidik dan sentiasa mendoakan kejayaan anakanda serta seluruh ahli keluarga.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan buat isteri tercinta Hasanah binti Abd. Khafidz yang banyak membantu dalam memberikan sokongan, dorongan serta pelbagai pengorbanan sehingga selesainya penulisan ini. Juga buat ketiga puteri Hanan, Husna dan Huda serta putra Ziyad yang banyak mengajar ayahanda tentang kasih sayang dan kesabaran.

Semoga Allah S.W.T. memberikan ganjaran atas segala penglibatan, usaha, dorongan dan sokongan yang telah diberikan. Diharapkan hasil penulisan ini dapat melahirkan inspirasi serta dapat menyemarakkan lagi semangat perjuangan dan cita-cita murni kita semua di atas muka bumi Allah ini.

Akhir kata semoga penulisan ini juga dan segala ilmu yang terkandung di dalamnya dapat dimanfaatkan dan dijadikan garis panduan atau rujukan di masa akan datang. Apa yang pasti setiap yang baik itu datangnya daripada Allah dan apa yang buruk lahir daripada kelemahan dan kekurangan penulis sendiri.

Salam hormat dari penulis

Rosdi bin Yusof

<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Definisi Sumbang Mahram	18
1.1.1	Bahasa	18
1.1.2	Istilah	19
1.1.2.1	Menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri	20
1.3.2.2	Menurut Undang-undang Islam	20
<b>BAB II</b>	<b>PERBANDINGAN JENAYAH SUMBANG MAHRAM DARI SUDUT ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI DAN UNDANG-UNDANG ISLAM</b>	
3.1	Pengenalan	106
3.2	Pembahagian Mahram	107
3.2.1	Pembahagian Mahram Dari Sudut Syariah	107
3.2.1.1	Mahram disebabkan nasab	108
3.2.1.2	Mahram disebabkan hubungan persemendaan	110
3.2.1.3	Mahram disebabkan susuan	114
3.2.2	Menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri	115
3.3	Peruntukan dan Hukuman Kesalahan Sumbang Mahram	118
3.3.1	Menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri	118
3.3.2	Menurut Undang-Undang Islam	124
3.4	Unsur-unsur utama dalam Jenayah Sumbang Mahram	128
3.4.1	Menurut Enakmen Jenayah Negeri-negeri	128
3.4.1.1	Kesalahan tersebut mesti dinaskan dalam enakmen	128
3.4.1.2	Tindakan yang menimbulkan kesan jenayah	129
3.4.1.3	Penjenayah seorang muslim yang <i>‘a&gt;kil</i> dan <i>ba&gt;ligh</i>	130
3.4.2	Menurut Undang-undang Islam	130
3.4.2.1	Adanya nas daripada al-Qur’a>n atau al-Hadis	130
3.4.2.2	Berlaku dalam faraj yang diijmakkan haram	131
3.4.2.3	Penyetubuh tahu tentang pengharamannya	132
3.4.2.4	Akad pernikahan yang batil	132
<b>BAB III</b>	<b>PENILAIAN PERBANDINGAN</b>	133
3.5.1	Pendahuluan	133
3.5.2	Perangkaan kes sumbang mahram di Malaysia	134
3.5.3	Punca atau faktor berlakunya sumbang mahram	139
3.5.4	Penyelesaiannya menurut Islam	144

3.6	Kesimpulan	147
3.7	Cadangan	147
3.8	Penutup	151
<b>RUJUKAN</b>		152

## 1.3 DEFINISI SUMBANG MAHRAM

### 1.3.1 Bahasa

Perkataan sumbang dari sudut bahasa menurut Kamus Dewan boleh diistilahkan sebagai tidak mematuhi adat (kebiasaan, kesopanan dan lain-lain), melanggar adat, atau tidak sopan.<sup>1</sup>

Manakala *mahram* ialah laki-laki dan perempuan yang diharamkan berkahwin menurut agama Islam (seperti adik-beradik dan lain-lain lagi). Dalam *Mu<sup>c</sup>jam Ist{fih{ Fuqaha>’* pula mengistilahkan *mahram* sebagai mereka yang diharamkan berkahwin dengan pengharaman yang kekal.<sup>2</sup>

Menurut Kamus Dewan, perbuatan ini juga diperincikan kepada sumbang *kadim*, iaitu yang bermaksud bermukah dengan keluarga yang rapat atau sumbang *pati* yang lebih bermaksud bermukah dengan saudara (adik- beradik) sendiri atau *sumbang balai melintang* yang bermaksud berzina dengan orang yang tidak boleh dikahwini oleh agama atau adat.

Daripada takrif di atas bolehlah difahami bahawa sumbang mahram merupakan satu bentuk perbuatan atau tingkah laku yang menyalahi tatasusila adat dan syarak yang berlaku di antara sesama mereka yang diharamkan berkahwin oleh syarak.<sup>3</sup>

### 1.3.2 Istilah

Dari sudut istilah pula, sumbang mahram juga dikenali dengan istilah “*incest*” dalam Bahasa Inggerisnya dan inses dalam Bahasa Melayunya yang juga bermaksud sumbang mahram. Oleh itu kebanyakan kamus menafsirkan istilah ini sebagai hubungan seksual antara individu

---

<sup>1</sup>Kamus Dewan, hlm. 1317.

<sup>2</sup>Qal’ah Ji@, *Mu<sup>c</sup>jam Lughah al-Fuqaha>’*, hlm. 411.

<sup>3</sup>Lihat: Abd. Hadi Zakaria, *Haruan Makan Anak: Inses di Semenanjung Malaysia*, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, t. tp., 1998, hlm. 12.

yang mempunyai hubungan darah atau kekeluargaan sedangkan mereka tidak boleh dikahwini secara sah dari segi undang-undang.

Dalam Encyclopedia Americana '*incest*' juga didefinisikan sebagai merangkumi sebarang hubungan seksual antara individu yang mempunyai pertalian darah, perkahwinan atau hubungan adat.<sup>4</sup>

Menurut pengertian yang lebih tepat sepertimana yang telah dijelaskan dalam Encyclopedia Britannica yang menegaskan bahawa '*incest*' merupakan hubungan seksual di antara orang-orang yang terlalu rapat hubungannya melalui perkahwinan atau persemendaan yang mana perkahwinan yang sah tidak boleh berlaku antara mereka.<sup>5</sup>

Di Malaysia, perkataan yang selalu digunakan ialah 'sumbang muhrim' dan bukannya 'sumbang mahram'. Kekeliruan ini berlaku kerana kesilapan menggunakan terminologi bahasa arab. Adalah perlu untuk menentukan bahasa yang digunakan betul agar tidak menyimpang maksudnya. '*Mahram*' yang terbit dalam bahasa Arabnya "*muharramun*" bermaksud; mereka yang haram bernikah dengannya sedangkan '*muhrim*' atau dalam bahasa Arabnya '*muhrimun*' bermaksud orang yang sedang berada di dalam ihram Haji dan Umrah. Oleh yang demikian pengertian bagi maksud 'sumbang mahram' adalah; kelakuan atau perbuatan sumbang antara orang-orang yang haram dinikahi antara satu sama lain<sup>6</sup>.

Bertepatan dengan itu, pengertian "*insest*" yang digunakan secara meluas adalah merujuk kepada perhubungan jantina di antara pasangan lelaki dan perempuan yang dilarang bernikah oleh agama atau adat.

### 1.3.2.1 Menurut Kanun Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Perkataan 'sumbang' menurut pemakaian dalam Enakmen Jenayah Negeri-negeri keseluruhannya merujuk kepada 'perbuatan atau siri perbuatan yang dianggap bertentangan

---

<sup>4</sup>Encyclopedia Americana, Grolier Incorporated, United States of America, 1989, jil. 14, hlm. 840.

<sup>5</sup>Encyclopedia Britannica, International Copyright Union, 1989, jil. 6, hlm.278. .

<sup>6</sup>Qal'ah Ji@, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*>, hlm. 411; Noor Aziah Hj. Mohd. Awal, 1998, *Sumbang Mahram (incest): Kedudukannya di bawah Undang-Undang Islam dan Sivil di Malaysia*, Jurnal Undang-undang IKIM **2** (1): 47-64

dengan hukum syarak yang berlaku di antara seorang lelaki dan perempuan yang dilarang berkahwin antara satu sama lain.

*Mahram* pula menurut peruntukan yang didapati dalam Enakmen Keluarga Islam ialah istilah yang merujuk kepada mereka yang mempunyai pertalian yang melarang sesuatu perkahwinan dengan seseorang sama ada pertalian *nasab*, pernikahan atau susuan .

### 1.3.2.2 Menurut Undang-undang Islam

Dari pandangan Islam, perbuatan sumbang mahram adalah merupakan satu perbuatan yang dilarang dan dikutuk. Perbuatan zina adalah perbuatan yang tidak melibatkan hubungan saudara yang rapat seperti anak-anak, adik-abang atau saudara rapat manakala perbuatan sumbang mahram ini melibatkan pertalian keluarga yang rapat yang dianggap oleh Islam sebagai perlakuan zina.

Dalam pengertian syariah istilah ini diertikan sebagai istilah '*watf'u al- maha>rim*'<sup>7</sup> iaitu bersetubuh dengan mahram. Namun begitu istilah sumbang mahram tidak hanya terbatas kepada hubungan darah semata-mata tetapi melibatkan hubungan kerabat.<sup>8</sup> Hubungan mahram yang dimaksudkan termasuklah yang disebabkan oleh keturunan, perkahwinan atau susuan.

Oleh itu pengertian zina didapati lebih umum iaitu segala bentuk perbuatan persetubuhan haram yang dilakukan oleh lelaki ke atas perempuan melalui faraj tanpa ada pemilikan atau akad nikah yang sah diistilahkan sebagai zina. Manakala pengertian sumbang mahram adalah lebih khusus yang termasuk di dalam kategori zina tetapi hukumannya dijelaskan secara lebih khusus di dalam peruntukkan '*watf'u al- maha>rim*'. Secara jelasnya hubungan antara kedua-duanya adalah bersifat umum dan khusus.

Kesimpulannya, antara kedua-dua pentakrifan tersebut mempunyai persamaan dari segi istilahnya yang merujuk kepada perbuatan zina yang melibatkan saudara sendiri iaitu

---

<sup>7c</sup>Awdah, *al-Tashri@c al- Jina>'i@ al-Isla>mi@ Muqa>ranan bi al- Qa>nu>n al- Wadf'i@*, hlm. 363.

<sup>8c</sup>At{i@yyah, S{aqr, *al-Usrah tah}ta Rf'a>yah al-Isla>m – Mara>h}i@l Takwi>n al-Usrah*, Mu'assasah al-S{aba>h{, Kuwait, 1980, hlm. 317.

yang mempunyai pertalian keluarga sama ada disebabkan keturunan, perkahwinan (persemendaan) atau susuan.